

# Ibnu Khaldun: Konsep *Malakah* dalam Pembelajaran Bahasa



Ibnu Khaldun menganggap objektif utama mempelajari bahasa adalah untuk menguasai kemahiran berbahasa hingga tahap *malakati*. Konsep *malakah* boleh difahami dengan merujuk petikan daripada penulisan beliau:

“Ketahuilah bahawa kesemua bahasa merupakan *malakati* yang mirip dengan kemahiran. Bahasa merupakan *malakah* lidah untuk mengungkapkan maksud, keindahan dan kecacatannya berdasarkan kesempurnaan *malakah* atau kekurangannya. Kemahiran bahasa bukan dipandang melalui perkataan tunggal akan tetapi dipandang melalui penyusunan. Apabila terhasil *malakati* yang sempurna dalam penyusunan kata yang tunggal untuk mengungkapkan makna yang dikehendaki dan memelihara penyusunan yang menyebabkan perkataan berpadanan dengan keadaan, maka ketika itu penutur telah sampai ke kemuncak, iaitu memahamkan maksud kepada pendengar. Inilaherti balaghah”.

Menurut pandangan Ibnu Khaldun, aktiviti pembelajaran sangat dipengaruhi oleh faktor psikologi. Faktor psikologi ini mampu memberikan pengaruh yang sangat signifikan terhadap arah dan tujuan


belajar. Salah satu faktor psikologi yang fundamental dalam aktiviti belajar ialah berfikir. Berdasarkan asas ini, Ibnu Khaldun mengajukan konsep *malakati* dalam pembelajaran.

*Malakati* secara bahasanya bererti “menjadikan sesuatu untuk dimiliki dan dikuasai” dan “suatu sifat yang mengalir pada jiwa”. Berdasarkan makna dan istilah itu, Ibnu Khaldun merumuskan bahawa *malakati* sebagai suatu sifat yang berurat, berakar, sebagai hasil belajar atau melakukan sesuatu secara berulang kali sehingga sehati dan kukuh tertanam dalam jiwa. Justeru, konsep *malakah* dalam proses pembelajaran bererti suatu peringkat pencapaian (*achievement*) dan penguasaan sesuatu keilmuan, keterampilan dan sikap tertentu yang diperoleh daripada proses dan aktiviti pembelajaran secara terancang, bersungguh-sungguh dan sistematis.

Konsep *malakati* berbeza daripada *al-wa'yu* (hafalan) dan *al-fahm* (pemahaman). Hafalan tidak lebih daripada sekadar daya dan kekuatan seseorang untuk menyimpan berbagai-bagai pengetahuan, informasi dan simbol. Manakala, pemahaman pula merupakan peringkat seterusnya selepas hafalan, iaitu peringkat kemampuan untuk memahami makna sesuatu yang dirasai. Adapun *malakah*, menurut Ibnu Khaldun,

merupakan peringkat yang paling tinggi dalam penguasaan ilmu dan bukan hanya sekadar mencapai tahap pemahaman, tetapi menuntut penguasaan sesuatu keilmuan dalam tiga aspek, iaitu kognitif, afektif, dan psikomotor secara optimum.


Dalam pembelajaran bahasa, Ibnu Khaldun berpendapat bahawa kemuncak pembelajaran bahasa bermula daripada pembentukan *malakah* yang sempurna. *Malakah* mampu dilahirkan melalui pengulangan dalam sesuatu perbuatan sehingga terbentuknya *malakah*. Di sini para sarjana mentafsirkan bahawa Ibnu Khaldun menunjukkan teknik menyeliputan dalam pengajaran bahasa. Teknik ini menuntut supaya penyusunan ayat dan pengolahannya dikawal tanpa membelakangi perkataan tunggal untuk membentuk ayat. Beliau menganggap seseorang penutur telah sampai ke kemuncaknya apabila mampu menghubungkan antara pembelajaran bahasa dengan kehidupan seharian.



Pengajaran dan pembelajaran bahasa akan lebih sempurna apabila sentiasa mendengar pertuturan dan berkomunikasi dengan ahli bahasa. Selain itu, pelajar wajar meniru cara dan lenggok bahasa ataupun menghafal, dan sentiasa mengulangi serta kerap menggunakannya dalam kehidupan seharian. Pendedahan kepada situasi pembelajaran yang sebenar ini akan mendedahkan pelajar kepada sumber semula jadi untuk dipelajari secara *taklid* (peniruan). *Taklid* dalam

pembelajaran bahasa memainkan peranan penting sebagai salah satu kaedah pengajaran dalam situasi seseorang itu akan belajar dengan cara mendengar pertuturan ahli keluarganya dan kemudian mula meniru cara percakapan. *Taklid* pada hakikatnya dapat menjimatkan masa, dan manusia dapat menimba pengalaman daripada mantusia lain dengan usaha yang sedikit dalam masa yang singkat.

Di sinilah beliau menekankan konsep kepentingan amali (praktikal) dalam hal berbahasa berbanding kepentingan tatabahasa. Pengalaman yang dipupuk bercorak amali dan kekerapan penggunaan akan melahirkan kemampuan berbahasa. Bagi beliau, untuk menguasai *malakah* dalam berbahasa, seseorang mesti mengetahui peraturan ini. Menguasai kemahiran berbahasa secara teori sahaja tanpa amali yang boleh menerangkan secara terperinci cara memotong kayu,



Konsep *malakah* menurut Ibnu Khaldun juga menekankan agar bahasa dipelajari secara amali dan praktikal. Pembelajaran amali ini akan mendedahkan pelajar kepada komunikasi lisan yang sangat menekankan elemen fonetik suprasegmental seperti ritma, nada, jeda, tekanan dan intonasi.

tetapi jika diminta melakukan pekerjaan itu, perkara yang sedemikian tidak dapat dilakukan secara baik.

Bagi pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa, ilmu tatabahasa merupakan ilmu untuk mengetahui cara beramal dan bukannya suatu proses amali berbahasa. Situasi ini menjadikan pelajar bahasa kedua kerap melakukan kesilapan dalam amali berbahasa akibat meninggalkan aspek amali berbahasa, walaupun di atas kertas, mereka mampu menerangkan selok-belok tatabahasa dengan baik.

Dalam penulisannya, Ibnu Khaldun menjelaskan situasi ini dengan mengambil contoh pembelajaran bahasa Arab yang berlaku pada zamannya di dua buah negara, iaitu Sepanyol dan Morocco. Pendidikan bahasa di Sepanyol lebih menekankan kepentingan uslub dan susunan bahasa Arab yang memberikan ruang kepada pelajar mempraktikkan dan membanyakkan latihan amali berbahasa. Dengan latih tubi yang berasaskan pendekatan ini, maka lahirlah pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran berbahasa

produktif yang tinggi yang diistilahkan oleh Ibnu Khaldun sebagai *malakah* berbahasa.

Manakala, di negara Morocco pula, pendekatan dalam pendidikan bahasa lebih menekankan tatabahasa dan ilmu linguistik secara teori yang jauh berbeza berbanding pendekatan di Sepanyol. Pendekatan ini menjadikan kemahiran bahasa seperti himpunan peraturan dan undang-undang yang jauh daripada aspek *malakah* lisan. Kelalain mereka terhadap keperluan ini akhirnya melahirkan pelajar-pelajar yang mahir dalam ilmu bahasa reseptif, namun tiada *malakah* lisan berbahasa.

Dalam situasi ini, Ibnu Khaldun berpandangan bahawa objektif utama kemahiran berbahasa ialah memiliki *malakah* lisan dengan menekankan teknik *istinbath* yang banyak mendedahkan pelajar penggunaan bahasa secara realiti dengan mengemukakan contoh dan bukti. Dengan teknik ini, keilmuan tatabahasa lebih bermakna kepada pelajar apabila mereka merasa sendiri hasilnya dalam kehidupan realiti. Teknik *istinbath* ini menekankan perkataan, syair dan pidato dan

ungkapan ini sentiasa diulangi hingga tahap terhasilnya *malakah*. Peringkat *malakah* ini menjadikan pelajar seperti penutur jati dalam bahasa sasaran. Pendedahan kepada penerangan dan penggunaan perkataan dalam konteks ayat dan ungkapan realiti yang lazimnya menggunakan petikan ayat al-Quran, hadis dan puisi Arab, dan pendengaran daripada kalangan penutur Arab dan sumber daripada orang terdahulu membolehkan pelajar mendapat manfaat cara sesuatu kata itu dapat dihayati berdasarkan pemikiran bahasa penuturnya.

Konsep *malakah* menurut Ibnu Khaldun juga menekankan agar bahasa dipelajari secara amali dan praktikal. Pembelajaran amali ini akan mendedahkan pelajar kepada komunikasi lisan yang sangat menekankan elemen fonetik suprasegmental seperti ritma, nada, jeda, tekanan dan intonasi. Ciri-ciri tersebut tidak dapat dipelajari daripada buku teks, kamus atau bergantung pada pengajaran formal semasa di dalam kelas sahaja. Ciri-ciri fonetik suprasegmental ialah unsur bukan linguistik yang melibatkan bahasa komunikasi dalam bahasa seperti

isyarat, bahasa badan dan ekspresi muka yang membawa banyak makna. Perkara yang sedemikian ini tidak dapat dipelajari melalui pengajaran formal, tetapi boleh didapati dan diperolehi melalui pengalaman semasa berinteraksi dan berkomunikasi dalam bahasa dan budaya bahasa sasaran. Oleh sebab itu, pendedahan yang minimum terhadap bahasa sasaran dan hubungan interaksi dengan penutur asli mengakibatkan pelajar bahasa sering tidak mencapai tahap *malakah* apabila mengabaikan aspek fonetik suprasegmental seperti sebutan, kefasihan, kawalan simpulan bahasa dan pragmatik budaya (gerak isyarat, bahasa badan dan ekspresi muka).

Kekurangan peluang untuk mengamalkan dan mempraktikkan bahasa secara amali ialah satu lagi masalah yang timbul untuk mencapai tahap *malakah* dengan baik, terutamanya dalam masalah sebutan. Beberapa kajian tentang ketepatan sebutan pelajar menunjukkan bahawa pelajar yang tiada pendedahan dan pengalaman berkomunikasi di negara bahasa sasaran mengalami kesukaran dari aspek sebutan. Dalam beberapa kajian, pengalaman berbahasa secara praktikal bermakna peluang untuk menggunakan bahasa dalam kehidupan seharian. Kajian tersebut juga menyimpulkan bahawa pelajar yang kurang tepat sebutan dalam pertuturannya dianggap sebagai kurang berpengalaman dan mempunyai lebih banyak masalah pemindahan bahasa berbanding dengan pelajar yang memiliki sebutan lisan yang baik.

Apabila membincangkan konsep *malakah* dalam pembelajaran dan pemerolehan bahasa kedua atau asing, hal yang sedemikian ini membawa kita kepada satu idea, iaitu konsep pembudayaan dan peranannya

dalam proses pembelajaran bahasa. Konsep pembudayaan dalam pembelajaran bahasa sasaran ini menjelaskan bahawa pelajar akan mendalami bahasa sasaran sehingga mereka mampu mencapai tahap membudayakannya. Pembudayaan merujuk keterbukaan seorang pelajar kepada budaya bahasa sasaran serta keinginan berintegrasi dalam budaya bahasa sasaran secara bersosial. Beberapa kajian menunjukkan bahawa faktor integrasi sosial dan psikologi pelajar yang berhijrah merupakan penyumbang terhadap penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris mereka. Hal yang sedemikian ini menunjukkan kaedah konsep pembudayaan dalam pembelajaran bahasa memainkan peranan penting.

Pemerolehan dan penggunaan bahasa sasaran ialah suatu ukuran sejauh mana pelajar mampu berinteraksi dengan budaya masyarakat tersebut. Pembudayaan merujuk hubungan sosial dan psikologi antara seseorang atau kumpulan tertentu dengan budaya masyarakat sasaran. Semakin tinggi tahap interaksi (sosial atau keakraban psikologi) seseorang dengan masyarakat bahasa sasaran, lebih banyak peluangnya untuk memperoleh dan menggunakan bahasa sasaran. Sebaliknya, sekiranya kurang interaksi (jarak sosial atau psikologi) maka hal yang sedemikian ini akan memberikan kesan dan pengaruh kepada pemerolehan dan penguasaan bahasa sasaran. Di sinilah Ibnu Khaldun menekankan peranan amali berbahasa secara bersosial kerana pelajar akan memanfaatkan pendengaran dalam pembelajaran bahasa yang dianggap sebagai ibu *malakah* lidah.

Jika kita lihat dari konsep pembelajaran yang diutarakan

Pemerolehan dan penggunaan bahasa sasaran ialah suatu ukuran sejauh mana pelajar mampu berinteraksi dengan budaya masyarakat tersebut. Pembudayaan merujuk hubungan sosial dan psikologi antara seseorang atau kumpulan tertentu dengan budaya masyarakat sasaran.

oleh Ibnu Khaldun, hal yang sedemikian ini tidak jauh berbeza daripada pembelajaran bahasa mutakhir ini, terutamanya dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing. Dalam pengajaran, Ibnu Khaldun sangat menekankan peranan guru untuk mendedahkan pelajar kepada objektif sebenar pembelajaran bahasa. Walaupun begitu, beliau tidaklah menafikan konsep autonomi pelajar dalam pembelajaran bahasa. Hal yang sedemikian ini dapat dilihat dalam saranan beliau melalui konsep *malakah* lisan yang mementingkan interaktif sosial sesama penutur jati dan mereka yang ahli dalam bahasa. Hal yang sedemikian ini bererti pelajar dituntut agar lebih aktif dalam proses pembelajaran dengan meneroka strategi sosial yang umumnya jelas menuntut persekitaran bahasa di luar kelas tanpa campur tangan guru. DB